



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN OPERASI SETEM & CKHT  
ARAS 15, MENARA HASIL  
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN  
TELEFON : 03-83138888 FAKS : 03-83137855

## M E M O

Kepada	Pengarah Negeri / Pengarah Cawangan		
Daripada	Pengarah Jabatan Operasi Setem & CKHT		
Salinan Kepada	1. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) 2. Pengurus Duti Setem 3. TPDS 4. Customer Care Officer		
Ruj. Tuan:	Tarikh:	Ruj. Kami: LHDN.BA.B.600-1/5/5	Tarikh: 30 Mei 2021

### PENUTUPAN KAUNTER DUTI SETEM DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA BAGI PEJABAT SATELIT DAN PUSAT KHIDMAT HASIL DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PENUTUPAN PENUH SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI (**TOTAL LOCKDOWN**)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memo daripada Jabatan Operasi Setem & CKHT bertarikh 24 Mei 2021 adalah berkaitan.

2. Susulan daripada keputusan kerajaan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi (*total lockdown*) Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 01 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021, pihak pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah bersetuju menetapkan waktu operasi kaunter Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan (PSC) / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) seperti jadual di bawah:

Lokasi Premis LHDNM	Hari	Waktu Operasi Kaunter Duti Setem
Pejabat Setem Cawangan	Mengikut Waktu Operasi Pejabat	8.00 pagi - 1.00 tengah hari
<b>*Penerimaan bayaran sehingga jam 12.00 tengah hari sahaja.</b>		
Pejabat Satelit / Pusat Khidmat Hasil	01 – 14 Jun 2021	<b>TUTUP</b>

...2/-

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan penyeteman duti setem yang tidak boleh dilakukan secara dalam talian melalui STAMPS boleh dilakukan di PSC yang berhampiran. Sekiranya terdapat kes rayuan penalti sepanjang tempoh penutupan PS dan PKH ini, peremitan atau pengecualian penalti boleh dipertimbangkan berdasarkan merit kes dan budi bicara pengurusan PSC / PS / PKH.

4. Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan duti setem di PS dan PKH, pihak pengurusan cawangan perlu memastikan ketersediaan pegawai di PS dan PKH untuk melayan dan memberi khidmat nasihat melalui telefon atau emel kepada pembayar duti berdasarkan memo Ketua Pegawai Eksekutif bertarikh 24 Mei 2021: Arahan Bekerja Dari Rumah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. Pihak pengurusan cawangan juga perlu memastikan pegawai di PS dan PKH yang Bekerja Dari Rumah (BDR) menyelesaikan semua permohonan di STAMPS dan membantu menyelesaikan kes-kes tertunggak STAMPS di PSC. Ketua Unit / TPDS boleh membuat permohonan penambahan peranan ID Pengguna di PSC bagi pegawai PS dan PKH dengan mengemukakan emel kepada [PermohonanIDPenggunaSistemDutiSetem@hasil.gov.my](mailto:PermohonanIDPenggunaSistemDutiSetem@hasil.gov.my).

5. PS dan PKH dipohon untuk membuat hebahan di papan kenyataan mengenai penutupan kaunter duti setem ini bagi mengelakkan kekeliruan dan aduan oleh orang awam.

6. Pegawai juga perlu mematuhi semua arahan dan SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan aspek keselamatan diberi perhatian sepanjang kehadiran di pejabat.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

[ AZALINA BINTI HAMDI ]

Pengarah

Jabatan Operasi Setem & CKHT

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.